




## ARTIKEL KHAS

## Artikel Khas

# Profil PMKS dari Tahun 2015 hingga 2023


Landskap PMKS telah mengalami perkembangan yang ketara antara tahun 2015 dan 2023, mencerminkan perkembangan progresif sepanjang tempoh tersebut. Dengan menganalisis data statistik terkini untuk tahun 2023 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), PMKS mewakili 96.9% daripada keseluruhan penubuhan perniagaan yang berjumlah 1,101,725 firma (rujuk Carta 1). Terdapat peningkatan hampir 195,000 firma berbanding dengan jumlah 907,065 PMKS pada tahun 2015, dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 2.5% sepanjang tempoh tersebut.

**Carta 1:** Profil PMKS dari Tahun 2015 hingga 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Meneliti profil PMKS berdasarkan saiz perniagaan dari tahun 2015 hingga 2023, perusahaan mikro mewakili bahagian terbesar dan ketara dalam kategori PMKS sepetimana sumbangan segmen ini kepada komposisi PMKS. Hampir 74,000 perusahaan mikro baharu telah ditubuhkan, mencatatkan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 1.3% (rujuk kepada Carta 2). Pencapaian ini mencerminkan keberkesanan dasar dan komitmen Kerajaan dalam mempromosikan pemformalan perniagaan di negara ini. Di samping itu, firma bersaiz kecil menunjukkan aliran peningkatan yang ketara dengan pertumbuhan kukuh sebanyak 6.3% secara purata setiap tahun. Sebaliknya, pertumbuhan firma bersaiz sederhana mengalami penguncutan sebanyak 12.8%, yang menunjukkan potensi peningkatan dan peralihan sebilangan PMKS kepada firma besar. Bagi tahun 2023, perusahaan mikro menyumbang 69.7% daripada keseluruhan PMKS (767,421 firma), firma bersaiz kecil meliputi 28.5% (314,465 firma), manakala firma bersaiz sederhana mewakili baki 1.8% (19,839 firma).

**Carta 2:** Profil PMKS mengikut Saiz Perniagaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Memberi tumpuan kepada aktiviti ekonomi, sektor perkhidmatan telah mendominasi secara konsisten serta menyumbang lebih 80% daripada keseluruhan PMKS dan berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 1.7% sepanjang tempoh tersebut. Sektor pembinaan meningkat menjadi sektor kedua terbesar pada tahun 2016, melepas sektor pembuatan yang sebelum ini menduduki posisi kedua (rujuk Carta 3). Sepanjang tempoh pemerhatian yang sama, penyertaan PMKS dalam sektor pembinaan berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 12.8%, manakala sektor perlombongan & pengkuarian mencatatkan pertumbuhan tahunan yang lebih ketara iaitu 14.1%.

**Carta 3:** Profil PMKS Mengikut Sektor Ekonomi

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Melalui pemerhatian struktur PMKS pada tahun 2023, sektor perkhidmatan terus mengekalkan kedudukan sebagai sektor terbesar meliputi 83.9% (924,170 firma). Sementara itu, jumlah PMKS dalam sektor pembinaan adalah 9.3% (102,657 firma) dan sektor pembuatan adalah 5.4% (59,316 firma). Sektor pertanian mencakupi 1.2% (13,099 firma) dan sektor perlombongan & pengkuarian mencatatkan sumbangan paling rendah iaitu 0.2% (2,483 firma).

**Carta 4:** Profil PMKS pada Tahun 2023 Mengikut Saiz dan Sektor Ekonomi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dalam meneliti taburan PMKS di peringkat negeri antara tahun 2015 dan 2023, kesemua negeri menunjukkan aliran peningkatan dalam bilangan pertumbuhan PMKS, kecuali negeri Kelantan yang mengalami sedikit penurunan. Kadar pertumbuhan tahunan yang paling ketara dicatatkan di Selangor dan Sabah iaitu masing-masing pada 5.2% dan 3.7%. Analisis perbandingan komposisi negeri sepanjang tempoh ini menunjukkan pola pertumbuhan yang konsisten dan lebih tinggi, di mana terdapat peningkatan yang ketara dalam sumbangan PMKS di Selangor (+4.7 mata peratus) dan Sabah (+0.6 mata peratus). Secara kumulatif, tumpuan PMKS masih terarah kepada empat (4) negeri perindustrian utama iaitu Selangor (24.5%), WP Kuala Lumpur (12.3%), Johor (11.3%) dan Pulau Pinang (7.5%), yang secara keseluruhan menyumbang 55.6% daripada jumlah penubuhan PMKS.

Secara kumulatif, tumpuan PMKS masih terarah kepada empat (4) negeri perindustrian utama iaitu Selangor (24.5%), WP Kuala Lumpur (12.3%), Johor (11.3%) dan Pulau Pinang (7.5%), yang secara keseluruhan menyumbang 55.6% daripada jumlah penubuhan PMKS.

**Jadual 1:** Pertumbuhan Tahunan dan Komposisi PMKS mengikut Negeri

| Negeri             | CAGR<br>2016 - 2023 | Sumbangan kepada Jumlah PMKS (%) |              |  |
|--------------------|---------------------|----------------------------------|--------------|--|
|                    |                     | 2015                             | 2023         | Peningkatan / Penurunan Mata Peratusan |
| Selangor           | <b>5.2</b>          | 19.8                             | 24.5         | <b>4.7</b>                             |
| WP Kuala Lumpur    | 0.1                 | 14.7                             | 12.3         | -2.5                                   |
| Johor              | 3.0                 | 10.8                             | 11.3         | 0.5                                    |
| Pulau Pinang       | 2.7                 | 7.4                              | 7.5          | 0.1                                    |
| Perak              | 0.6                 | 8.3                              | 7.1          | -1.1                                   |
| Sarawak            | 2.5                 | 6.7                              | 6.8          | 0.0                                    |
| Sabah              | <b>3.7</b>          | 6.1                              | 6.8          | <b>0.6</b>                             |
| Kedah              | 0.9                 | 5.4                              | 4.8          | -0.6                                   |
| Kelantan           | -0.5                | 5.1                              | 4.1          | -1.1                                   |
| Negeri Sembilan    | 3.1                 | 3.6                              | 3.8          | 0.2                                    |
| Pahang             | 0.9                 | 4.1                              | 3.7          | -0.5                                   |
| Terengganu         | 3.2                 | 3.2                              | 3.4          | 0.2                                    |
| Melaka             | 0.5                 | 3.5                              | 3.0          | -0.5                                   |
| Perlis             | 1.9                 | 0.8                              | 0.7          | 0.0                                    |
| WP Labuan          | 0.7                 | 0.3                              | 0.2          | 0.0                                    |
| WP Putrajaya       | 0.8                 | 0.1                              | 0.1          | 0.0                                    |
| <b>Jumlah PMKS</b> | <b>2.5</b>          | <b>100.0</b>                     | <b>100.0</b> |  |

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh pembundaran

CAGR: Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompaun

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Artikel Khas

# Hasil Tinjauan PMKS 2024


SME Corp. Malaysia, sebagai agensi penyelaras pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), merupakan pusat rujukan untuk penyelidikan dan penyebaran data berkaitan PMKS. Dalam menyokong peranan organisasi, tinjauan dilakukan secara berkala sebagai sebahagian daripada pemantauan ekonomi untuk menilai prestasi perniagaan PMKS serta mengenal pasti cabaran yang muncul dalam landskap ekonomi semasa. Objektif utama pelaksanaan tinjauan adalah untuk mendapatkan pemahaman menyeluruh mengenai ekosistem PMKS. Bagi mencapai objektif tersebut, tinjauan dijalankan menggunakan pendekatan komprehensif yang menggabungkan kedua-dua penunjuk kualitatif dan kuantitatif. Metodologi ini memastikan bahawa data yang dikumpul dapat memberikan gambaran yang lebih terperinci mengenai keadaan semasa PMKS.




Kepelbagaiannya sampel memastikan bahawa penemuan adalah kukuh dan mencerminkan landskap PMKS yang lebih luas. Hasil tinjauan ini merupakan bukti kepada komitmen berterusan oleh SME Corp. Malaysia dalam memahami dan menangani keperluan PMKS yang semakin meningkat.

Pada tahun 2024, satu tinjauan dalam talian yang dikenali sebagai Tinjauan PMKS 2024 telah dijalankan dari 20 Mac 2024 hingga 13 Mei 2024. Tinjauan ini telah berjaya mendapatkan sejumlah 1,490 responden PMKS, merangkumi spektrum meluas dari segi sektor ekonomi, wilayah geografi, saiz perniagaan dan jantina (rujuk Carta 1). Kepelbagaiannya sampel memastikan bahawa penemuan adalah kukuh dan mencerminkan landskap PMKS yang lebih luas. Hasil tinjauan ini merupakan bukti kepada komitmen berterusan oleh SME Corp. Malaysia dalam memahami dan menangani keperluan PMKS yang semakin meningkat. Hasil tinjauan juga memaparkan bidang kritis utama iaitu prestasi jualan, kos menjalankan perniagaan, modal insan, akses pasaran, pendigitalan, amalan ESG dan pembentukan yang akan membimbing inisiatif dan dasar masa depan yang bertujuan menyokong pertumbuhan dan kemampuan PMKS.


Carta 1: Profil Responden bagi Tinjauan





## PRESTASI JUALAN

Hasil tinjauan menunjukkan prestasi yang memberangsangkan oleh PMKS sepanjang tahun. Lebih separuh daripada responden PMKS (53.0%) melaporkan peningkatan jualan pada tahun 2023, iaitu satu peningkatan ketara daripada 42.8% yang dicatatkan pada tahun 2022 (rujuk Carta 2). Peningkatan jualan ini adalah ketara dalam kalangan PMKS di sektor pembinaan; pembuatan makanan & minuman; teknologi maklumat & komunikasi (*information & communications technology, ICT*); borong & runcit kenderaan; perkhidmatan profesional, saintifik & teknikal; dan perkhidmatan peribadi lain. Penemuan ini selari dengan prestasi makro PMKS pada tahun 2023, dengan aktiviti sepanjang tahun didorong terutamanya oleh sektor perkhidmatan yang mendapat manfaat daripada peningkatan perbelanjaan berkaitan pelancongan.




Trajektori jualan yang menggalakkan dijangka berterusan ke tahun 2024 dengan lebih banyak PMKS, iaitu 57.3% akan mengalami peningkatan jualan. Keyakinan yang tinggi ini dapat dilihat terutamanya dalam kalangan PMKS di sektor pembuatan makanan & minuman; borong & runcit; profesional, saintifik & teknikal; dan perkhidmatan peribadi lain. Turut diperhatikan bahawa terdapat penurunan dalam bilangan PMKS yang meramalkan penurunan dalam jualan, iaitu daripada 28.1% pada tahun 2023, turun kepada hanya 22.0% pada tahun 2024. Di samping itu, satu penemuan penting yang perlu diketengahkan adalah peningkatan ketara dalam bilangan PMKS yang beroperasi. Pada tahun 2022, sejumlah 17.2% responden melaporkan tidak beroperasi, tetapi menjelang tahun 2024, angka ini telah berkurang dengan ketara kepada hanya 1.1%. Perkara ini mencerminkan semangat keusahawanan yang tinggi dan komitmen yang teguh dalam kalangan usahawan untuk memformalkan perniagaan mereka, seterusnya mempamerkan peranan penting mereka sebagai enjin pertumbuhan.

## KOS MENJALANKAN PERNIAGAAN

Melihat kepada faktor kos, kos yang tinggi dalam menjalankan perniagaan kekal konsisten sebagai cabaran utama terhadap PMKS sepanjang tahun. Setinggi 72.8% responden PMKS menyatakan keimbangan mengenai kenaikan kos, lebih tinggi berbanding 65.1% yang dicatatkan sebelum ini. Kebimbangan terhadap kos operasi yang tinggi ini turut terserlah apabila lebih tiga per empat firma atau 75.8%, melaporkan kenaikan dalam kos menjalankan perniagaan mereka pada tahun 2023 (rujuk Carta 3). Selain itu, jangkaan kos untuk tahun 2024 agak membimbangkan dengan 92.3% responden menjangkakan kenaikan lagi, terutamanya firma kecil & sederhana serta mereka yang berada dalam sektor pembinaan. Faktor yang mendorong jangkaan kos yang lebih tinggi ini termasuklah kos bahan mentah & input lain (83.9%); kos pekerja, termasuk gaji & levi (62.2%); dan bil elektrik (54.2%).

**Carta 3: Kos Operasi PMKS**



Pelarasan dasar yang dibuat pada penghujung tahun 2023 dan pada tahun 2024 telah menambah lagi tekanan kos ke atas perniagaan. Oleh itu, kebanyakan firma mungkin terpaksa menaikkan harga untuk menampung kos yang semakin meningkat, yang boleh menyebabkan kenaikan harga kepada pengguna. Perubahan dasar ini termasuklah pelaksanaan dasar Gaji Minimum pada 1 Julai 2023 untuk semua majikan termasuk PMKS, diikuti dengan penghapusan subsidi ayam pada 1 November 2023, peningkatan tarif elektrik serta pengenalan cukai 10% ke atas barang import bernilai rendah yang dijual dalam talian pada 1 Januari 2024. Selain itu, pelarasan lain termasuklah kenaikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (*Sales and Services Tax, SST*) daripada 6% kepada 8% bermula 1 Mac 2024, pelaksanaan subsidi diesel bersasar pada 10 Jun 2024 dan pelaksanaan e-Invois secara berfasa bermula 1 Ogos 2024. Perubahan dasar ini secara keseluruhan memberi cabaran yang besar kepada PMKS, lantas terus menjelaskan struktur kos dan strategi penetapan harga oleh PMKS.



## MODAL INSAN

Melihat kepada jenis pekerja yang diperlukan oleh PMKS dalam menjalankan perniagaan, hasil tinjauan membuktikan bahawa kebanyakan PMKS lebih cenderung untuk mengambil pekerja separa mahir (40.6%) dan graduan daripada institusi pendidikan dan latihan teknikal & vokasional (*technical & vocational education and training, TVET*) (30.2%), berbanding graduan universiti atau pekerja asing (rujuk Carta 4). Kecenderungan ini selari dengan laporan daripada Institut Penyelidikan Khazanah pada tahun 2023, yang menyatakan bahawa kadar kebolehpasaran graduan TVET kekal lebih tinggi berbanding graduan lain daripada institusi tempatan sejak tahun 2012. Analisis mendalam memaparkan bahawa salah satu kriteria unik yang menjadikan graduan TVET lebih digemari oleh majikan adalah latihan menyeluruh mereka yang lazimnya meliputi pengalaman latihan amali dan industri. Pengalaman amali ini membekalkan mereka dengan kemahiran praktikal yang diaplikasikan di tempat kerja secara langsung, menjadikan mereka sangat bernilai kepada majikan.

Menyentuh aspek penggajian, PMKS menekankan beberapa kriteria sebelum menggaji pekerja. Hasil tinjauan menunjukkan bahawa kemahiran yang sepadan, tahap komitmen dan prestasi kerja merupakan tiga kriteria utama bagi PMKS dalam memilih pekerja. Sebagai contoh, 40.6% daripada PMKS lebih gemar untuk menggaji pekerja separa mahir berikutan tahap komitmen kerja & kebolehpercayaan yang tinggi; kepakaran & kemahiran yang relevan; dan prestasi & produktiviti yang kukuh. Menariknya, tinjauan juga mendedahkan bahawa gaji bukanlah faktor yang paling penting bagi PMKS ketika menggaji pekerja. Antara semua kriteria pemilihan berikut, gaji berada di kedudukan paling bawah dalam senarai keutamaan

dengan hanya 24.3% PMKS menyatakan bahawa mereka menggaji pekerja berdasarkan tawaran gaji yang lebih rendah. Hasil tinjauan ini jelas membuktikan bahawa PMKS sanggup melabur untuk mendapatkan pekerja berkualiti yang memiliki kemahiran dan dedikasi yang diperlukan untuk menyumbang secara efektif kepada perniagaan.

**Carta 4:** Kriteria Pemilihan Pekerja oleh Firma



## PRESTASI EKSPORT

Beralih kepada penembusan pasaran antarabangsa, hasil tinjauan menunjukkan peningkatan sederhana dalam aktiviti eksport dalam kalangan PMKS. Pada tahun 2024, sebanyak 16.9% responden PMKS mengeksport produk atau perkhidmatan mereka ke pasaran global, sedikit peningkatan daripada 15.0% yang dicatatkan pada tahun 2023. Aktiviti eksport oleh PMKS ini kebanyakannya tertumpu di rantau ASEAN, terutamanya di Singapura, Indonesia dan Thailand. Jika melihat kepada bukan pengeksport semasa yang masih belum meneroka pasaran antarabangsa, sebanyak 57.8% menyatakan hasrat untuk mengembangkan operasi mereka ke luar negara pada masa depan. Memberi tumpuan kepada halangan utama yang mengekang pengembangan PMKS ke luar negara, cabaran utama yang dinyatakan oleh responden adalah ketiadaan penghubung pasaran (53.2%); kekurangan latihan berkaitan eksport (48.1%); dan kesukaran dalam memperoleh pembiayaan untuk aktiviti eksport (41.9%). Malahan, analisis terperinci mendedahkan penurunan yang membimbangkan dalam permohonan pembiayaan perdagangan, merosot daripada 17.0% pada tahun 2019 kepada hanya 7.8% pada tahun 2024.

Meskipun terdapat sedikit peningkatan dalam bilangan PMKS yang mengeksport, potensi keseluruhan mereka dalam rantaian nilai globalkekal terhad, sebagianya disebabkan oleh Perjanjian Perdagangan Bebas (Free Trade Agreements, FTA) yang kurang diguna pakai. Hanya 6.2% responden memanfaatkan FTA, terutamanya FTA ASEAN dan FTA ASEAN-China. Daripada PMKS ini, sejumlah 64.5% responden percaya bahawa FTA membantu dalam pengurangan atau penghapusan duti import yang secara langsung menurunkan kos mengimport barang dan meningkatkan daya saing keseluruhan. Di samping itu, 51.6% mendapat manfaat daripada pengurangan tarif kastam yang mengurangkan beban kewangan berkaitan perdagangan rentas sempadan. Malahan, 51.6% firma menyatakan bahawa FTA membantu mereka dalam menembusi dan mengembangkan pasaran mereka ke luar negara. Namun begitu, majoriti 93.8% PMKS tidak memanfaatkan FTA berikutan kurang pengetahuan mengenai FTA (75.1%) dan tidak tahu prosedur permohonan (55.8%). Tahap kesedaran dan guna pakai FTA yang rendah menjelaskan potensi pengembangan global, yang merupakan bidang kritikal untuk meningkatkan aktiviti pengantarabangsaan PMKS.

Carta 5: Prestasi Eksport PMKS



## AMALAN ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG)

Memberi tumpuan kepada aspek kelestarian, sebanyak 39.9% PMKS kini menyedari mengenai prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance, ESG*). Dalam kalangan mereka yang sedar, majoriti 69.9% telah melaksanakan amalan ESG dalam operasi perniagaan mereka, terutamanya firma bersaiz sederhana dan PMKS dalam perkhidmatan profesional, saintifik & teknikal; makanan & minuman; dan pembuatan tekstil & pakaian. Faktor pendorong di sebalik penerapan ESG oleh PMKS adalah susulan ESG dipercayai dapat meningkatkan imej dan reputasi firma (66.3%); untuk kekal berdaya saing dalam pasaran (59.1%); dan mengoptimalkan kecekapan kos atau mengurangkan kos (57.2%).

Melangkah ke hadapan, amalan ESG dijangka akan terus berkembang. Sebanyak 85.5% responden yang masih belum memulakan perjalanan ESG mereka merancang untuk mula melaksanakan prinsip ESG dalam masa terdekat. Perkara ini mencerminkan trend peningkatan yang kukuh dalam usaha kelestarian oleh PMKS, menyedari kepentingan ESG dalam daya tahan perniagaan jangka panjang. Bagi PMKS yang masih tidak sedar atau belum mengamalkan ESG, beberapa bentuk bantuan utama telah dikenal pasti sebagai penting untuk memudah cara peralihan mereka. Hal ini termasuklah bantuan untuk mesin & peralatan (46.9%); pembiayaan (46.3%); maklumat dan panduan pelaksanaan (42.6%) serta bakat atau kepakaran yang khusus dalam ESG (33.9%). Keperluan ini, jika ditangani, akan memberi sokongan yang mencukupi bagi PMKS untuk mengamalkan amalan ESG. Jika semakin banyak PMKS yang mengamalkan amalan lestari, keseluruhan landskap perniagaan dijangka akan menyaksikan pengurusan risiko dan keuntungan yang bertambah baik.






## AUTOMASI DAN PENDIGITALAN


Bagi memastikan kemampuan perniagaan, PMKS proaktif mempersiapkan operasi mereka untuk masa depan melalui penerapan automasi dan pendigitalan. Pendekatan strategik ini telah ditonjolkan melalui peningkatan pelaburan dan aplikasi dalam bidang ini. Kesanggupan PMKS untuk melabur dalam mesin & peralatan, serta ICT, semakin meningkat. Pada tahun 2024, 57.0% responden menyatakan telah melabur dalam mesin & peralatan, berbanding 49.2% pada tahun 2022. Selain itu, 51.1% responden melabur dalam teknologi, sistem & peralatan ICT pada tahun 2024, yang merupakan peningkatan ketara daripada 37.9% yang dicatatkan pada tahun 2022. Pembiayaan untuk automasi juga menyaksikan peningkatan yang ketara dalam era pasca COVID-19. Daripada jumlah PMKS yang memohon pembiayaan, lebih dua per tiga atau 66.8% menyatakan bahawa pembiayaan diperlukan untuk pembelian mesin & peralatan. Perubahan ini merupakan satu peningkatan drastik, naik daripada 23.7% yang dinyatakan pada tahun 2019. Demikian juga, pembelian perisian dan peralatan ICT melonjak kepada 24.2%, berbanding hanya 4.4% pada tahun 2019.


Dengan peningkatan pelaburan dan pembiayaan, terdapat juga peningkatan yang ketara dalam jumlah PMKS yang menerapkan aspek pendigitalan. Pada masa ini, tiga per empat daripada PMKS telah melaksanakan pendigitalan bahagian belakang (*back-end digitalisation*), yang merupakan peningkatan daripada 53.8% pada tahun 2023 (rujuk Carta 6). Mengambil kira PMKS yang menggunakan peralatan bahagian belakang (*back-end tools*), lebih daripada separuh (54.0%) telah mengintegrasikan sistem perakaunan dan kewangan. Selain itu, 40.2% telah menerapkan sistem pengurusan sumber manusia, sejumlah 24.6% telah mempunyai sistem pengurusan operasi seperti Perancangan Sumber Perusahaan (*Enterprise Resource Planning, ERP*) dan Pengurusan Perhubungan Pelanggan (*Customer Relationship Management, CRM*), manakala sekitar 24.0% mempunyai sistem terminal jualan. Penerapan meluas peralatan digital ini menekankan trend penggunaan teknologi yang semakin berkembang dalam kalangan PMKS bagi meningkatkan operasi dan menambah baik kecekapan.

**Carta 6:** Peralatan Bahagian Belakang yang Diterapkan oleh PMKS



Meneliti segmen PMKS yang belum mendigitalkan perniagaan iaitu sekitar 24.8% daripada responden, hasil tinjauan menunjukkan beberapa halangan utama terhadap transformasi digital iaitu kekurangan pembiayaan (53.1%) dan kekurangan pekerja berkemahiran digital (41.2%). Selain itu, melihat kepada ekosistem PMKS yang lebih meluas, keengganan untuk mendigitalkan perniagaan dalam kalangan firma juga disebabkan oleh kurang kesedaran mengenai faedah transformasi digital.





Segelintir PMKS mungkin tidak memahami sepenuhnya tentang bagaimana peralatan digital dapat menambah baik kecekapan operasi, mengoptimalkan kos dan membuka peluang pasaran baharu. Jurang maklumat yang perlu ditangani melalui program capaian dan pendidikan bersasar dapat membantu PMKS menyedari potensi kelebihan automasi dan pendigitalan.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Hasil tinjauan memaparkan strategi menyeluruh yang akan dilakukan oleh PMKS bagi mengukuhkan kedudukan perniagaan mereka dalam jangka masa terdekat. Sebahagian besar responden telah menyatakan hasrat untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan inovatif dan bernilai tinggi (55.6%); meningkatkan jalinan dengan firma besar (39.2%); dan menambah baik aktiviti pengantarabangsaan (33.9%), seterusnya mencerminkan pendekatan proaktif terhadap pertumbuhan dan pembangunan perniagaan. Melihat kepada aktiviti perniagaan, PMKS ingin meningkatkan ketampakan (*visibility*) firma mereka dan menambah baik keupayaan dalaman firma bagi mengekalkan daya saing perniagaan. Menyedari peranan penting ketampakan dan penglibatan pelanggan dalam memacu kewujudan perniagaan, majoriti 80.7% responden PMKS menyatakan keinginan untuk meningkatkan aktiviti pemasaran dan promosi (rujuk Carta 7). Di samping itu, sejumlah 64.5% ingin memberi tumpuan kepada peningkatan keupayaan pengeluaran, menandakan minat yang kuat untuk mengembangkan operasi bagi memenuhi permintaan yang lebih tinggi daripada pengguna.

Pembinaan jenama produk atau perkhidmatan merupakan satu lagi keutamaan, dengan 61.4% menunjukkan hasrat untuk mengukuhkan jenama, lantas membezakan penawaran mereka berbanding pesaing lain. Tambahan pula, 58.1% responden ingin mendapatkan pensijilan untuk produk dan perkhidmatan mereka. Usaha ke arah pensijilan ini menandakan komitmen terhadap kualiti dan piawaian yang boleh meningkatkan kredibiliti dan daya saing PMKS dalam pasaran. Selain itu, hasil tinjauan juga memaparkan satu lagi strategi PMKS dalam bidang kritikal iaitu pembangunan kemahiran. Sebanyak 51.0% responden mahu menggaji atau melatih lebih ramai pekerja berkemahiran tinggi. Sementara itu, 45.0% responden ingin melaksanakan inisiatif penyelidikan dan pembangunan (*research and development, R&D*), mencerminkan minat yang tinggi dalam memupuk inovasi secara berterusan. Selain itu, 44.0% berminat untuk menyertai sesi permadanan perniagaan dengan firma yang lebih besar, menekankan keinginan mereka untuk membina perkongsian strategik dan meluaskan capaian pasaran. Dari sudut kelestarian, sejumlah 38.8% mahu menerapkan ESG dalam operasi perniagaan mereka.

Pembinaan jenama produk atau perkhidmatan merupakan satu lagi keutamaan, dengan 61.4% menunjukkan hasrat untuk mengukuhkan jenama, lantas membezakan penawaran mereka berbanding pesaing lain.



**Carta 7:** Strategi Jangka Pendek yang Perlu Diambil



Inisiatif jangka pendek ini selaras dengan strategi yang digariskan dalam Pelan Strategik Perniagaan oleh SME Corp. Malaysia. Pelan tersebut menekankan kepentingan rantai bekalan, inovasi, pembangunan keupayaan dan amalan kelestarian sebagai komponen penting dalam membina PMKS yang berdaya tahan. Dengan mengutamakan bidang ini, PMKS mampu meletakkan diri mereka untuk mengharungi cabaran dalam landskap ekonomi semasa di samping memanfaatkan peluang baharu untuk kelangsungan jangka panjang.

